

**AHMAD FAUZI ZAHARI** meninjau sendiri keadaan saluran yang menjadi punca banjir di Taman Sri Rampai, Setapak, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

# Projek DUKE 3 punca banjir?

Oleh **ROSKHOIRAH YAHYA**  
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 6 JUN**

**P**EMBINAAN Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Fasa 3 (DUKE 3) berhampiran Taman Sri Rampai dikenal pasti sebagai penyebab utama masalah perparitan tersumbat dan banjir kilat di kawasan tersebut.

Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Ahmad Fauzi Zahari berkata, pihaknya akan mengambil inisiatif menemukan penduduk setempat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta kontraktor yang terlibat bagi menyelesaikan masalah itu.

Beliau berkata, saluran yang sepatutnya membantu membawa lebih air hujan terus ke sungai, dipenuhi tanah kerana tidak diselenggara pihak berwajib.



Untuk jangka masa pendek, longkang berkenaan telah dibersihkan oleh kontraktor terlibat. Bagaimanapun, saya berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil berat akan hal tersebut.”

**AHMAD FAUZI ZAHARI**  
Ahli Parlimen Setiawangsa,

“Banjir lumpur kali ini paling buruk sejak 30 tahun lalu yang mengakibatkan lebih 100 rumah penduduk setempat terjejas ter-



**GAMBAR** yang dirakamkan penduduk menunjukkan limpahan air dari parit berhampiran.

uk sekali gus menghadapi kerugian.

“Untuk jangka masa pendek, longkang berkenaan telah dibersihkan oleh kontraktor terlibat. Bagaimanapun, saya berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil berat akan hal tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas mengadakan lawatan di tempat kejadian di sini semalam.

Tambah Ahmad Fauzi, lawatan diadakan bagi mendengar sendiri permasalahan penduduk dan cuba mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Sementara itu, seorang penduduk Maneh Sharif, 59 berkata,

sebelum ini laporan telah dibuat kepada kontraktor berkenaan longkang tanah jatuh ke dalam longkang namun tiada sebarang tindakan diambil.

“April lalu, saya telah membuat aduan kepada pemaju kerana longkang yang tersumbat itu menyebabkan air bertakung serta boleh mengundang pembiakan nyamuk.

“Bayangkan longkang besar dengan ukuran enam kaki lebar dan enam kaki ditutupi dengan tanah. Oleh itu, saya berharap pihak berwajib dalam melaksanakan tugas mereka dan membantu kami semua,” katanya lagi.